



29 Jun 2015
29 June 2015
P.U. (A) 134

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PERUNDINGAN DAN LATIHAN BAGI PELAKSANAAN PENGATURAN KERJA FLEKSIBEL) 2015

INCOME TAX (DEDUCTION FOR CONSULTATION AND TRAINING COSTS FOR THE IMPLEMENTATION OF FLEXIBLE WORK ARRANGEMENTS) RULES 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PERUNDINGAN DAN LATIHAN BAGI PELAKSANAAN PENGATURAN KERJA FLEKSIBEL) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Perundingan dan Latihan bagi Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel) 2015**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“orang yang layak” ertinya—

(a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

(b) suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*]; atau

(c) suatu perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961 [*Akta 135*],

dan pemastautin di Malaysia;

“pengaturan kerja fleksibel” ertinya pengaturan fleksibel—

- (a) di tempat bekerja;
- (b) dalam penjadualan waktu bekerja; atau
- (c) dalam bilangan jam bekerja;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” ertinya suatu syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 untuk memulakan dan memudahkan inisiatif yang menumpukan kepada keperluan bakat di Malaysia.

Potongan

3. (1) Dalam menentukan pendapatan lapisan orang yang layak daripada puncanya yang terdiri daripada perniagaan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh orang yang layak itu dalam tempoh asas itu berhubung dengan fi perundingan dan kos latihan pekerja orang yang layak itu selama tempoh latihan, bagi pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel atau penambahbaikan pengaturan kerja fleksibel sedia ada.

(2) Bagi maksud subkaedah (1)—

- (a) pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel atau penambahbaikan pengaturan kerja fleksibel sedia ada oleh orang yang layak hendaklah diperakukan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad; dan
- (b) permohonan oleh orang yang layak bagi perakuan itu diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dalam tempoh mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2016.

(3) Kos latihan yang disebut dalam subkaedah (1) ialah—

- (a) fi kursus atau program latihan;

- (b) fi jurulatih dalaman;
- (c) kos bahan latihan;
- (d) kos penyewaan ruang latihan;
- (e) fi peperiksaan; dan
- (f) perbelanjaan perjalanan berkaitan latihan yang dilakukan oleh pekerja dan jurulatih seperti yang berikut:
 - (i) kos pengangkutan yang amaunnya adalah—
 - (A) berhubung dengan perjalanan ke dan dari Malaysia, sama banyak dengan tambang kapal terbang kelas ekonomi; atau
 - (B) berhubung dengan perjalanan dalam Malaysia, sama banyak dengan tambang kapal terbang kelas ekonomi sekiranya perjalanan menggunakan pengangkutan udara, atau kos sebenar yang dilakukan sekiranya perjalanan menggunakan pengangkutan darat atau air;
 - (ii) maksimum sebanyak tiga ratus ringgit sehari untuk penginapan; dan
 - (iii) maksimum sebanyak satu ratus lima puluh ringgit sehari untuk makanan.